

TERMA & SYARAT “TEKA TEKAN”

TEKA TEKAN adalah sebuah rancangan permainan secara langsung yang diwujudkan, dibangunkan dan disiarkan oleh kami di Telekom Malaysia Berhad. Dengan menyertai TEKA TEKAN, anda mengakui bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh kesemua terma dan syarat ini termasuk semua pindaan dan semakan yang dibuat kepada terma dan syarat. Usah khuatir, terma dan syarat ini bersifat lurus dan terang serta mudah difahami. Sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut, anda boleh menghubungi kami di <https://unifi.com.my/chat/index.html>.

Apakah terma dan syarat yang dimaksudkan? Kami akan membimbing anda satu persatu bermula dengan:

1. APA TERMA DAN SYARATNYA?

Terma dan syarat TEKA TEKAN terdiri daripada semua terma yang dinyatakan di sini dan di dalam Soalan Lazim. Oleh itu, jangan lupa membaca Soalan Lazim juga. Anda boleh mendapatkan Soalan Lazim di pautan Laman Web Rasmi TEKA TEKAN di: <http://tekatekan.unifi.com.my>. Terma dan syarat ini tersedia untuk dilihat di Saluran Interaktif unifi TV dan Laman Web Rasmi TEKA TEKAN.

2. BILA DAN DI MANA ANDA BOLEH MENONTON TEKA TEKAN?

TEKA TEKAN disiarkan secara langsung di HyppSensasi (Saluran 116) setiap hari pada pukul 9.00 malam hingga 9.30 malam setiap Isnin hingga Khamis bermula 5 Mac 2018. Episod TEKA TEKAN yang dirakam akan disiarkan pada hari berikutnya selepas siaran langsung.

3. SIAPA YANG BOLEH MENYERTAI?

3.1 Sesiapa sahaja boleh menyertai TEKA TEKAN. Walau bagaimanapun, hanya pemegang akaun berdaftar TM dengan langganan unifi TV (pelanggan Broadband atau unifi dengan kotak *Set-Top-Box*) layak memenangi hadiah ("Peserta yang Layak"). Sekiranya anda mempunyai berbilang akaun dengan kami, semua akaun individu anda boleh menyertai setiap hari dan pada masa yang sama. Namun, jika terdapat lebih daripada 1 akaun yang layak menerima hadiah, anda hanya berhak untuk memenangi 1 hadiah setiap hari.

3.2 Ketidaklayakan

Sekiranya anda jatuh ke dalam mana-mana kategori ini, kami mohon maaf, tetapi anda tidak layak memenangi sebarang hadiah:-

- (i) Jika anda adalah pemegang akaun berdaftar TM yang juga pekerja tetap atau pekerja kontrak atau pekerja di bawah program SLIM atau pelatih amali di Telekom Malaysia Berhad (termasuk anak syarikatnya, pejabat serantau dan syarikat-syarikat berkaitan). Walau bagaimanapun, ahli keluarga anda boleh mengambil bahagian dan memenangi hadiah sekiranya mereka berada dalam kategori Peserta yang Layak;
- (ii) Jika anda adalah sebahagian daripada pasukan produksi TEKA TEKAN;
- (iii) Ahli keluarga anda, sekiranya anda adalah sebahagian daripada pasukan produksi TEKA TEKAN.

4. BAGAIMANA UNTUK MENYERTAI?

Anda mesti menonton mana-mana episod siaran langsung TEKA TEKAN dan jawab semua lima (5) soalan yang diberikan semasa siaran langsung dengan menekan butang "#" diikuti dengan butang berwarna pada alat kawalan jauh unifi TV anda. Butiran lanjut tentang cara untuk mengambil bahagian tersedia dalam Soalan Lazim. Hanya jawapan yang lengkap dan betul kepada semua 5 soalan dalam setiap episod siaran langsung layak memenangi hadiah harian.

5. KEWAJIPAN ANDA

- 5.1 Menanggung semua caj dan kos yang berkaitan untuk menyertai TEKA TEKAN.
- 5.2 Memastikan dan mengesahkan bahawa semua butiran anda yang diberikan pada masa pendaftaran akaun atau kemas kini yang diberikan kepada kami adalah benar, betul dan tepat dan boleh dihubungi termasuk nombor telefon anda yang masih aktif.
- 5.3 Sekiranya anda adalah pemenang, anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua cukai yang mungkin dibayar atau boleh dikenakan (jika ada), semua kos dan perbelanjaan (termasuk makanan dan perbelanjaan peribadi, dll) (jika ada) untuk tujuan pengutipan hadiah.
- 5.4 Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kecelakaan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan akibat penyertaan anda dalam TEKA TEKAN dan pengutipan hadiah.
- 5.5 Sekiranya anda adalah pemenang dan telah mengambil hadiah dan kami mendapati bahawa anda tidak layak menjadi pemenang kerana alasan yang dinyatakan dalam perenggan 8.1 (v) (b) atau 8.1 (v) (c), anda berkewajipan untuk memulangkan hadiah atau membayar balik jumlah yang bersamaan dengan jumlah hadiah kepada kami dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh kami memberitahu anda tentang kehilangan kelayakan dan kegagalan berbuat demikian membolehkan kami mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.

6. PEMENANG

- 6.1 Pemenang dipilih setiap hari untuk setiap episod siaran langsung dari Peserta yang Layak yang telah menjawab dengan betul semua 5 soalan dalam sesebuah episod TEKA TEKAN.
- 6.2 Senarai pemenang akan dipaparkan di saluran interaktif unifi TV dan Laman Web Rasmi TEKA TEKAN, dari pukul 10.30 malam dan selepas setiap episod siaran langsung.
- 6.3 Tertakluk kepada perenggan 7.2, anda masih boleh mengambil bahagian dan layak untuk memenangi hadiah dalam episod TEKA TEKAN yang lain walaupun anda telah memenangi hadiah.
- 6.4 Bukti penyertaan atau menjawab dengan betul kepada semua soalan dalam episod melalui mana-mana medium atau cara tidak melayakkan anda untuk memenangi hadiah secara automatik.
- 6.5 Hanya Peserta yang Layak berhak untuk menang dan kami akan memberikan hadiah kepada Peserta yang Layak walaupun orang lain mengambil bahagian dan menjawab semua soalan dengan betul menggunakan akaun Peserta yang Layak. Untuk ilustrasi, anda boleh merujuk kepada Soalan Lazim.
- 6.6 Anda hanya berhak memenangi satu (1) hadiah setiap hari tanpa mengira berapa banyak akaun anda yang layak untuk memenangi hadiah.

7. HADIAH

- 7.1 Hadiah yang ditawarkan untuk TEKA TEKAN adalah hadiah wang tunai sehingga RM20,000.00 setiap episod ("Hadiah Harian") untuk dikongsi bersama dengan semua pemenang yang dipilih dalam episod itu.
- 7.2 Semua pemenang yang dipilih layak untuk memenangi hadiah maksimum RM10,000.00 setiap minggu. Namun, jika terdapat hanya satu (1) pemenang yang dipilih untuk suatu episod, pemenang tersebut layak untuk membawa pulang jumlah maksimum RM20,000.00. Namun, pemenang tersebut tidak lagi layak untuk memenangi sebarang hadiah untuk mana-mana episod lain dalam minggu yang sama.
- 7.3 Sekiranya tidak ada pemenang untuk sesebuah episod TEKA TEKAN, Hadiah Harian akan dibawa ke episod berikutnya ("Jumlah Terkumpul"). Walau bagaimanapun, Jumlah Terkumpul akan dikumpulkan sehingga hari Khamis minggu yang sama sahaja dan selepas itu akan diset semula semula ke Hadiah Harian sekali lagi.

- 7.4 Hadiah akan diberikan kepada pemenang melalui cek berpaling. Sekiranya anda adalah pemenang, anda perlu mengambil cek pada masa dan tempat seperti yang dinyatakan dalam Soalan Lazim. Sila rujuk Soalan Lazim sebelum mengambil cek anda.
- 7.5 Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar/ditebus untuk apa-apa jenis kredit atau rebat. Hadiah juga tidak termasuk sebarang aksesori atau item yang ditunjukkan dalam sebarang iklan dan bahan promosi.
- 7.6 Semua hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan.

8. HAK KAMI

- 8.1 Kami mempunyai hak dan budi bicara mutlak tanpa notis terlebih dahulu dan tidak mempunyai kewajipan untuk memberikan sebarang sebab untuk:-
- (i) mengesahkan maklumat yang telah anda berikan pada bila-bila masa kepada kami dalam sebarang bentuk yang kami rasai sesuai atau patut;
 - (ii) tentukan jumlah sebenar yang akan anda terima untuk setiap episod;
 - (iii) menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang bernilai serupa;
 - (iv) menolak penyertaan anda;
 - (v) membatalkan kelayakan pemenang atau melucut hak ke atas hadiah pada bila-bila masa walaupun selepas senarai pemenang dipaparkan di Saluran Interaktif unifi TV dan Laman Web Rasmi TEKA TEKAN sehingga sewaktu pengambilan hadiah, (a) jika pemenang gagal memberikan butiran yang diperlukan yang kami minta, or (b) kerana gagal memenuhi kriteria yang diperlukan untuk menjadi pemenang atau (c) kerana melanggar mana-mana terma dan syarat ini atau (d) kerana gagal mengambil hadiah dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh nama pemenang dipaparkan di Saluran Interaktif unifi TV dan Laman Web Rasmi TEKA TEKAN;
 - (vi) membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang Layak yang kami tentukan telah mengganggu operasi TEKA TEKAN atau telah bertindak melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat ini; atau kerana menyerahkan penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau palsu.
 - (vii) membatalkan, menggantung, menangguhkan, melanjutkan atau menukar/mengubah format TEKA TEKAN tanpa memberi notis terlebih dahulu dalam apa-apa bentuk.
- 8.2 Keputusan kami adalah muktamad. Sebarang rayuan melalui apa-apa cara atau percubaan untuk merayu, meminta atau apa-apa pertikaian mengenai mana-mana keputusan kami berkaitan dengan sesebuah episod TEKA TEKAN, apa-apa hilang kelayakan Peserta yang Layak atau pemenang atau apa-apa pengumuman atau keputusan yang berkaitan dengan TEKA TEKAN tidak akan dilayan.

9. PENAFIAN DAN PENGECUALIAN LIABILITI

- 9.1 Kami tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap sebarang:
- (i) salah tafsir atau salah nyataan fakta berkenaan dengan hadiah yang ditawarkan seperti yang diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan;
 - (ii) penyertaan atau penglibatan yang hilang, tersalah arah, tidak boleh dibaca, terlambat, cacat, rosak atau diubah;
 - (iii) kegagalan yang anda hadapi, temui atau alami untuk menyertai TEKA TEKAN pada bila-bila masa;
 - (iv) kehilangan atau kerosakan yang anda alami disebabkan oleh penyertaan atau bukan penyertaan anda dalam TEKA TEKAN akibat daripada perbuatan atau peninggalan kami;
 - (v) penyalahgunaan sebarang hadiah atau untuk apa-apa tuntutan atau liabiliti yang timbul daripada penggunaan hadiah-hadiah;

(vi) kegagalan mematuhi tanggungjawab kami di mana kegagalan itu disebabkan oleh sesuatu yang melebihi kawalan munasabah kami. Keadaan sedemikian hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keadaan cuaca, kebakaran, banjir, taufan, mogok, pertikaian industri, peperangan, permusuhan, pergolakan politik, rusuhan, kekecohan awam, kemalangan yang tidak dapat dielakkan, perubahan undang-undang, serangan siber atau apa-apa keadaan menjurus kepada *force majeure*. Definisi *force majeure* adalah seperti yang biasa diterima dalam industri penyiaran di seluruh dunia.

9.2 Kami menafikan sebarang kewajipan untuk:

- (i) membayar ganti rugi anda untuk apa-apa kos yang ditanggung kerana kegagalan untuk mengutip hadiah disebabkan perubahan dalam masa dan tempat atau disebabkan kehilangan kelayakan anda sebagai pemenang;
- (ii) mengganti sebarang hadiah yang rosak atau hilang semasa proses pengambilan;
- (iii) memberi pampasan kepada pemenang bagi kerugian yang dialami atau kos yang ditanggung kerana penggantian hadiah;
- (iv) memberi pampasan kepada anda untuk kos atau kerugian yang dialami secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh pembatalan, kelewatan, penggantungan atau perlanjutan TEKA TEKAN atas sebarang sebab;
- (v) memberi pampasan kepada anda untuk kerugian yang ditanggung atau kos yang ditanggung untuk mengambil bahagian atau tidak mengambil bahagian atau kegagalan untuk mengambil bahagian dalam TEKA TEKAN sama ada disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan kami atau sebaliknya.

9.3 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak membuat sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan apa-apa hadiah yang diberikan di TEKA TEKAN, khususnya, kami tidak memberi jaminan berkenaan dengan kebolehdagangan, kualiti hadiah atau kesesuaian mereka untuk apa-apa tujuan

10. HAK CIPTA, PENGUMUMAN DAN KERAHSIAAN

10.1 Dengan menyertai, anda memberi kami hak kekal dan tidak eksklusif untuk menyiarkan nama anda, empat (4) digit terakhir atau sebahagian daripada nombor pengenalan anda, alamat pendaftaran, gambar atau imej atau untuk memaparkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan anda untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengan TEKA TEKAN termasuk pemberitahuan pemenang, publisiti, pengiklanan, perdagangan atau tujuan promosi di mana-mana media tanpa memberi notis lanjut kepada anda. Anda memahami dan bersetuju bahawa anda tidak berhak untuk menuntut apa-apa pembayaran dalam apa-apa bentuk, bayaran atau pampasan bagi penggunaan imej atau butiran anda berhubung dengan perkara di atas. Nombor pengenalan adalah seperti yang diberikan kepada kami semasa pendaftaran langganan unifi TV.

10.2 Anda mengakui, memahami dan bersetuju bahawa kami boleh berkongsi data peribadi anda (berasaskan keperluan untuk mengetahui sahaja) dengan rakan kongsi atau penaja hadiah kami untuk tujuan TEKA TEKAN. Data peribadi anda ("Data Peribadi") yang telah anda berikan kepada kami berhubung dengan TEKA TEKAN akan dirahsiakan kecuali untuk tujuan dan aktiviti yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini. Kami akan mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memelihara integriti dan mencegah sebarang kesalahan atau kehilangan, kerosakan atau pemusnahan Data Peribadi anda dan mematuhi keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

11. TADBIR UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

Terma dan syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengannya adalah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

12. PINDAAN DAN SEMAKAN TERMA DAN SYARAT

- 12.1 Kami berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah terma dan syarat ini di mana-mana medium dan dalam apa-apa bentuk tanpa notis terlebih dahulu pada bila-bila masa.
- 12.2 Dengan menyertai TEKA TEKAN, anda bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, notis, pindaan dan semua keputusan yang telah kami buat.

13. KEPUTUSAN ADALAH MUKTAMAD DAN MENGIKAT

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian, konflik, ketidakpastian atau keaburan yang berkaitan dengan terma dan syarat ini atau sebarang perkara yang melibatkan TEKA TEKAN, kami akan menyelesaikan perkara itu mengikut budi bicara kami yang mutlak dan tidak dapat dipertikaikan dan keseluruhan keputusan dalam perkara itu adalah muktamad dan mengikat.

14. BAHASA

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara teks Bahasa Inggeris dan teks Bahasa Malaysia kepada terma dan syarat ini atau Soalan Lazim, teks Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

15. TERMA YANG AKAN DIGUNA PAKAI

- 15.1 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat yang dipaparkan di Saluran Interaktif unifi TV dan Laman Web Rasmi TEKA TEKAN, terma dan syarat yang dipaparkan di Laman Web Rasmi TEKA TEKAN akan diguna pakai.
- 15.2 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat ini dan Soalan Lazim, terma dan syarat ini akan diguna pakai.